



KAJIAN ILMIAH
SARJANA SAINS PENGURUSAN PROJEK
PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN, BANGUNAN DAN
PERANCANGAN

**KAJIAN BERKAITAN DENGAN AMALAN
PENGURUSAN NOTIS HASRAT MENUNTUT DI
JABATAN KERJA RAYA**

AMRAN B. MOHD. MAJID

S-RM 48/03

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKASURAT
A	PENGHARGAAN	i
B.	ABSTRAK	ii
C.	ABSTRACT	iv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	7
BAB 3	PERUNTUKKAN NOTIS DI DALAM SYARAT-SYARAT KONTRAK BORANG KONTRAK JKR 203/203A(Sem.10/83), BORANG KONTRAK PAM 98 DAN JUGA BORANG KONTRAK “FIDIC FOURTH EDITION 1987 (Cetakan semula 1992 dengan pindaan lanjut)”. 33	
BAB 4	KAJIAN KES	71
BAB 5	SOAL SELIDIK BAGI KAJIAN PENGURUSAN NOTIS HASRAT BERKAITAN TUNTUTAN KONTRAK UNTUK PROJEK JKR BERDASARKAN BORANG KONTRAK JKR 203/203A(sem.10/83)	84
BAB 6	RUMUSAN SOAL SELIDIK	109

Lampiran A1 -	Soal Selidik
Lampiran A2 -	Hasil Soal Selidik (Kontraktor)
Lampiran A3 -	Hasil Soal Selidik (Pegawai Penguasa)
Lampiran A4 -	Hasil Soal Selidik (Keseluruhan)
Lampiran B -	Cadangan oleh Penyelidik: Senarai Semak Untuk Pengurusan Notis Hasrat Menuntut.

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA juga dapat saya sempurnakan kajian ilmiah saya yang bertajuk: "*Kajian Berkaitan Dengan Amalan Pengurusan Notis Hasrat Menuntut Di Jabatan Kerja Raya*".

Pada pendapat saya kajian ini adalah satu kajian yang saya kira agak mendesak di dalam Industri Binaan lebih-lebih lagi berkaitan dengan tuntutan kontrak di antara kontraktor dengan Majikan/Kerajaan yang kini merupakan satu perkara yang agak lazim. Namun begitu adalah didapati bahawa tidak banyak diketahui mengenai keperluan serta pentadbiran notis hasrat menuntut sebelum tuntutan kontrak tersebut dapat diteruskan serta dipertimbangkan. Maka adalah agak tepat pada waktunya kajian ilmiah seperti ini dibuat.

Akhir kata ingin saya rakamkan perhargaan saya kepada ibu bapa serta keluarga saya yang telah banyak membantu serta memberi galakan kepada saya untuk menyiapkan kajian ilmiah saya untuk yang mana menjadi sebahagian daripada syarat keperluan di dalam program Sarjana Sains Pengurusan Projek di Universiti Sains Malaysia. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Professor Madya Abdu! Aziz Hussin, AMN, Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia; yang telah banyak membantu saya serta memberi tunjuk ajar dan dorongan di dalam menjalankan serta menyiapkan kajian ilmiah saya ini.

ABSTRAK

KAJIAN BERKAITAN DENGAN AMALAN PENGURUSAN NOTIS HASRAT MENUNTUT DI JABATAN KERJA RAYA.

Notis Hasrat Menuntut di dalam mana-mana syarat-syarat kontrak binaan piawai merupakan satu keperluan sebelum Pegawai Pengguna (P.P.)/Majikan/ Kerajaan dapat menimbang tuntutan perbelanjaan tambahan dan kerugian oleh pihak kontraktor. Namun demikian terdapat persoalan-persoalan samaada adalah wajar untuk tuntutan kontraktor tersebut ditolak sekiranya kontraktor telah gagal mengemukakan sebarang notis; dan apa pula keadaannya sekiranya notis yang dikemukakan tersebut tidak memenuhi syarat-syarat kontrak ataupun perundangan negara?

Kajian yang telah dibuat adalah berkaitan dengan amalan pengurusan notis hasrat menuntut oleh Jawatankuasa Tuntutan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia agar satu kefahaman bagaimanakah notis tersebut diurus serta ditimbangkan sebelum tuntutan kontraktor tersebut dipertimbangkan dengan lebih lanjut. Adalah didapati bahawa amalan pertimbangan oleh JKR adalah agak ketat berkaitan dengan keperluan mengemukakan notis hasrat menuntut tersebut.

Kajian juga telah dibuat dengan merujuk kepada makalah undang-undang, buku-buku rujukan undang-undang, kertas-kertas seminar berkaitan dengan tuntutan kontrak binaan oleh orang perseorangan yang telah diterima sebagai pakar rujuk di dalam bidang tersebut. Adalah didapati bahawa notis adalah merupakan satu keperluan prosidur keadilan asasi yang menganjurkan keadilan terhadap kedua-dua belah pihak yakni

kontraktor dan Kerajaan/Majikan. Maka tujuan notis adalah untuk memberi satu notis kepada pihak yang dituntut agar ia dapat mengetahui apakah jenis tuntutan yang telah dibuat dengan jelas. Ini akan membolehkan P.P. memantau serta menyiasat samaada tuntutan tersebut adalah bernalas, di samping dapat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membendungkan ralap kemungkinan (jika ada) sepetimana yang didakwa oleh kontraktor itu. Maka notis adalah berasal daripada peraturan "*audi alteram partem*" (peraturan untuk hak didengari). Akhirnya notis sebenarnya adalah satu konsep atau peraturan yang fleksibel yang mana ia tidak semestinya ditadbir dengan begitu ketat. Ini adalah kerana tujuan utama notis adalah hanya untuk menganjurkan keadilan dan bukannya untuk menghindarkan keadilan.

Kajian juga telah dibuat berdasarkan satu soal selidik kepada mereka yang terlibat di dalam industri binaan berkaitan dengan tuntutan kontrak yakni di pihak kontraktor serta pihak Kerajaan/Majikan. Adalah didapati bahwa kefahaman keperluan notis kurang dihayati oleh kedua-dua belah pihak. Di pihak kontraktor mereka berpendapat bahawa notis perlulah dikemukakan di dalam tempoh yang munasabah, manakala di pihak Kerajaan/P.P. pula tempoh satu bulan sepetimana yang diperuntukkan di dalam syarat-syarat kontrakJKR 203/203A9Sem.10/83) adalah memadai dan perlulah dipatuhi.

Adalah dirumuskan bahawa satu penghayatan serta kefahaman perlulah dipertingkat di kedua-dua belah pihak agar ia dapat melicinkan lagi pentadbiran serta pengurusan notis hasrat menuntut tersebut. Akhir sekali penyelidik telah mencadangkan satu senarai semak sebagai satu panduan bagaimanakah notis hasrat menuntut tersebut harus ditangani.

ABSTRACT

A RESEARCH PERTAINING TO THE PRACTICE OF THE ADMINISTRATION OF NOTICE OF INTENTION TO CLAIM IN THE PUBLIC WORKS DEPARTMENT.

Notice of intention to claim in any standard forms of construction contract seem to be a requirement before the Superintending Office (S.O.) /Employer/Government can consider the loss and expense claim of the contractor. Nevertheless there are questions whether it is appropriate for the contractor's claim to be rejected if the contractor failed to submit the required notice; and what if the said notice that was submitted does not comply with the requirements of the construction contract or the law?

The research that was carried out was pertaining to the practice of the administration of notice of intention to claim by the Claims Committee, Public Works Department (PWD), in order for an understanding of how the said notice was administered and considered before the contractor's claim is further considered. It was found that the administration of the said notice by PWD was strict in nature.

The research that was done was based on law journals, reference books pertaining to construction law, seminar papers by individuals who had been accepted as experts in this area. It was found that notice is a procedural requirement under the rule of natural justice which intends to promote justice to both sides; the contractor and the Government/Employer. Hence the purpose of notice is to give notice to the other party so that the other party has proper knowledge pertaining to the form of claim with clarity. This will enable the S.O. to monitor and investigate whether the said claim has merit; and at the same time the S.O. will be able to take mitigation steps pertaining to breach as alleged by the contractor. Notice originates from the rule of natural justice "*audi alterum partem*" (hear the other side). In conclusion, notice was found to be of a flexible rule in nature and should not be administer strictly. This is due to the fact that the very purpose of the submission of notice is to promote justice and not to hinder it.

A research was also done through a questionnaire exercise which were distributed to all of the participants of the construction industry which comprises of two general groups namely, the contractor's organisation and the S.O./Employer's organisation. It was found that there was a lack of understanding and comprehension pertaining to the requirement of notice. On the part of the contractor, the view was that notice should be submitted within a reasonable time, whereas on the part of the S.O./Government, the view was that the notice should be submitted within the one month period as stipulated in the conditions of contract JKR 203/203A(Sem. 10/83).

In conclusion, it is therefore suggested that the level of comprehension as well as understanding should be improved on both sides so that it will smoothen the administration as well as the practice of the notice of intention to claim. As a result of the research, the researcher has suggested a check list to be adopted as a guide on how the notice of intention of claim to be administered.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Mukadimah

Pemberian notis merupakan satu keperluan perundangan di dalam undang-undang keadilan asasi. Peruntukkan serupa ini sebenarnya diperuntukkan di dalam syarat-syarat kontrak JKR 203/203A(sem.10/83) dan juga syarat-syarat kontrak piawai yang lain di dalam industri binaan. Namun begitu adalah di dapati rata-rata di dalam industri binaan pihak-pihak yang terlibat seperti kontraktor, majikan serta Pegawai Pengguna (P.P.) tidak mengetahui akar kenapakah notis tersebut perlu diperuntukkan serta apakah kesan yang akan diterima oleh pihak kontraktor sekiranya notis tersebut tidak dikemukakan sejajar dengan peruntukkan syarat-syarat kontrak. Apa yang lebih penting adalah untuk mentafsirkan peruntukkan syarat-syarat kontrak tersebut sejajar dengan perundangan Negara. Mungkin adaiai tidak memadai sekiranya tafsiran peruntukkan notis tersebut dibuat secara literal sahaja, tetapi mungkin satu tafsiran berdasarkan kepada kefahaman prinsip perundangan mengapakah notis tersebut perlu dikemukakan perlulah juga dihayati.

Notis Hasrat Menuntut adalah satu peruntukkan yang lazim diperuntukkan di semua borang kontrak piawai yang digunakan di dalam Industri Binaan. Keperluan notis tersebut adalah sering diperkatakan sebagai satu bentuk pra-syarat atau sebagai satu titik permulaan sebelum tuntutan kontrak (kerugian dan perbelanjaan tambahan) dapat dipertimbangkan dengan lebih lanjut oleh majikan sesebuah projek. Persoalan yang

sering timbul bagaimanakah peruntukan serta keperluan notis di dalam syarat-syarat kontrak binaan tersebut dapat diuruskan dengan berkesan sejahtera dengan peruntukan kontrak binaan serta undang-undang negara oleh kedua-dua belah pihak yakni kontraktor serta majikan? Maka satu kajian perlulah dibuat terhadap persoalan tersebut tadi agar satu penghayatan serta kesahaman yang lebih menyeluruh dapat ditingkatkan.

1.1 Pernyataan Masaalah

Pernyataan masalah adalah sebenarnya untuk mengetahui apakah sebab secara dasarnya kenapa satut peruntukan notis hasrat menuntut perlu di dalam syarat-syarat kontrak binaan apabila tuntutan perbelanjaan tambahan dan kerugian dibuat oleh kontraktor terhadap Kerajaan. Sehubungan daripada itu apakah kedudukannya di dalam syarat-syarat kontrak binaan sekiranya kontraktor telah gagal mengemukakan notis hasrat menuntut apabila ingin membuat tuntutan kontrak atau tuntutan perbelanjaan tambahan dan kerugian di dalam satu-satu kontrak binaan. Bolehkah Pegawai Penguasa (di dalam perbincangan selepas ini dan seterusnya disebutkan sebagai P.P.) atau Kerajaan menolak tuntutan kontraktor tersebut walaupun sekiranya kontraktor telah dengan sebenar-benarnya telah mengalami kerugian? Bagaimanakah pula sekiranya notis hasrat menuntut telah dikemukakan tetapi terdapat kecacatan di dalam notis tersebut; di mana mungkin ia telah dikemukakan lewat yakni di mana notis tersebut tidaklah sejahtera dengan tempoh yang diperuntukkan di dalam syarat-syarat kontrak. Bolehkah juga P.P. atau Kerajaan menolak tuntutan kontrak itu juga? Maka kajian ini akan cuba mencari jawapan-jawapan kepada soalan tersebut agar satu bentuk notis yang sewajarnya sejahtera dengan peruntukan syarat-syarat kontrak ataupun perundangan dapat difahami serta dihayati. Di

samping itu juga kajian ini juga akan mencuba mencari satu kaedah pertimbangan yang sewajarnya sejajar dengan peruntukkan syarat-syarat kontrak serta perundangan bagaimanakah notis hasrat menuntut tersebut yang dikemukakan oleh kontraktor seharusnya dipertimbangkan oleh Pegawai Penguasa (P.P.) ataupun majikan. Ini adalah perlu agar semua pihak yang terlibat di dalam Industri Binaan ini dapat memahami akan peruntukkan notis di dalam syarat-syarat kontrak binaan apabila kontraktor membuat tuntutan perbelanjaan tambahan dan kerugian; dan juga penghayatan di pihak Kerajaan/Majikan pula apabila menguruskan notis hasrat menuntut tersebut sejajar dengan peruntukkan syarat-syarat kontrak maupun perundangan negara apabila menimbang tuntutan kontraktor tersebut.

1.2 Bidang Kajian Serta Kaedahnya

Kajian ini akan mengkaji peruntukkan notis di dalam syarat-syarat kontrak JKR 203/203A(sem.10/83) dan juga mengkaji amalan pengurusan notis hasrat menuntut yang telah diamalkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. JKR sebagai agensi teknikal yang terbesar di Negara kita yang mana telah diamanahkan untuk merancang serta menyempurnakan projek-projek infrastruktur serta bangunan-bangunan Kerajaan dan orang ramai; sudah tentu akan mengalami tuntutan kontrak oleh kontraktor. Ini sudah tentu melibatkan amalan pengurusan notis hasrat menuntut tersebut. Maka dengan mengkaji akan amalan tersebut daripada sebuah agensi teknikal yang terbesar akan dapat memberi satu corak amalan pengurusan notis tersebut. Dengan bilangan projek yang banyak dijalankan oleh Kerajaan, maka ini akan secara besar-besaran melibatkan kebanyakan kontraktor di dalam industri binaan serta dapat memberi satu corak bagaimanakah amalan pengurusan notis hasrat menuntut diurus.

Namun begitu satu-satu kajian tidak akan lengkap sekiranya satu kajian literatur berkaitan dengan peruntukkan notis di dalam undang-undang dibuat. Maka kajian literatur yang perlu dibuat adalah dengan mengkaji laporan kes undang-undang daripada jurnal undang-undang (*law journal*), kertas-kertas seminar oleh orang perseorangan yang bertindak sebagai pakar rujuk di dalam undang-undang binaan serta buku-buku berkaitan dengan undang-undang. Ini adalah perlu agar satu kefahaman berkaitan dengan prinsip perundangan notis yang perlu dihayati dapat diketahui.

Kajian pula akan dibuat kepada borang kontrak JKR 203/203A(sem.10/83) untuk mengkaji akan peruntukkan syarat-syarat kontrak berkaitan dengan notis. Kemudian satu perbandingan akan dibuat dengan dua (2) lagi borang kontrak piawai yang digunakan di dalam industri yakni borang kontrak PAM 98 dan juga Borang kontrak FIDIC Fourth Edition 1987 dibuat untuk mengetahui bagaimanakah peruntukkan notis tersebut diperuntukkan. Ia juga akan memberi gambaran samaada terdapat persamaan atau perbezaan secara material dengan kedua-dua borang kontrak tadi sekiranya dibandingkan dengan borang kontrak JKR 203/203A(sem.10/83).

Kemudiannya pula kajian akan pula menjurus kepada kajian kes yang mana ia bertujuan untuk mengkaji akan amalan pengurusan notis hasrat menuntut oleh Jawatankuasa Tuntutan JKR yang terlibat secara langsung di dalam memutuskan tuntutan kontraktor tersebut. Maka dengan ini adalah diharapkan satu kajian dapat dibuat samaada amalan JKR tersebut adalah sejajar dengan syarat-syarat kontrak JKR sendiri serta sejajar dengan prinsip perundangan.

Kajian ini juga tidak akan lengkap sekiranya satu kajian soal selidik yang bertujuan untuk mengukur kefahaman serta pandangan pihak-pihak yang terlibat di dalam Industri Binaan berkaitan dengan peruntukkan notis hasrat menuntut sejajar dengan borang kontrak JKR 203/203A(sem.10/83) dan juga prinsip perundangan negara. Ini akan dapat memberi gambaran samaada pihak-pihak yang terlibat memahami peruntukkan notis disamping dapat mengkaji samaada pandangan bagaimanakah notis tersebut perlu diuruskan tersebut adalah sejajar dengan perundangan Negara. Adalah diharapkan hasil kajian tersebut akan

dapat memberi satu pandangan yang dapat diambil kira oleh pihak JKR sendiri ataupun pihak-pihak yang terlibat di dalam projek-projek bukan JKR apabila menguruskan notis hasrat menuntut tersebut.

1.3 Kepentingan serta Faedah Kajian

Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini akan dapat memberi faedah kepada Industri Binaan secara amnya untuk bagaimanakah untuk mengurus notis hasrat menuntut berdasarkan syarat-syarat kontrak binaan serta perundangan negara. Ia adalah diharapkan dapat meningkatkan kefahaman di dalam industri binaan berkaitan peruntukkan notis di dalam syarat-syarat kontrak serta perundangan agar kedua-dua belah pihak di dalam industri binaan dapat menguruskan notis dengan lebih berkesan. Persoalan-persoalan apakah yang dimaksudkan dengan satu notis yang mencukupi dan bagaimanakah untuk menangani persoalan kecacatan notis yang mana tidak diperuntukkan secara khusus di dalam syarat-syarat kontrak piawai binaan adalah diharapkan akan terjawab di akhir kajian ini.

Akhir sekali kajian ini akan cuba merumuskan satu senarai semak yang boleh digunakan oleh pihak JKR ataupun mana-mana pihak yang terlibat di dalam mempertimbangkan sesebuah tuntutan kontrak; berkaitan dengan notis yang dikemukakan oleh kontraktor.

Maka adalah penting satu kajian ilmiah seperti ini dibuat agar kedua-dua belah pihak dapat memahami akan keperluan notis tersebut. Adalah dicadangkan apabila satu kefahaman dihayati berkaitan dengan peruntukkan notis ini maka satu penyelesaian kepada aspek tuntutan perbelanjaan tambahan dan kerugian dapat ditangani dengan lebih cekap serta lebih adil. Oleh itu pertikaian kepada penyelesaian tuntutan tersebut dengan sendirinya akan dapat dikurangkan dan juga penyelesaian tersebut juga akan dapat dipercepatkan. Sering terdapat pula pertikaian di peringkat permulaan tuntutan kontrak itu sendiri yakni apabila notis hasrat menuntut diteliti serta dipertimbangkan oleh P.P.

ataupun Kerajaan di mana satu persoalan akan timbul samaada tuntutan tersebut perlu dipertimbangkan ataupun tidak. Maka adalah penting sebelum tuntutan kontrak tersebut dimulakan, satu penghayatan terhadap keperluan notis itu sendiri serta pengurusan pertimbangan notis itu sendiri difahami serta dihayati. Akhirnya sekira titik permulaan proses tuntutan kontrak itu sendiri dapat dilicinkan, maka ia akan dapat membantu di dalam mengurangkan tahap pertikaian serta bilangan tuntutan kontrak yang sering dipanjang-panjangkan; yang mana tuntutan tersebut akhirnya akan dibawa kepada satu prosiding timbangtara ataupun mahkamah.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis atau andaian kajian ini adalah bahawa notis hasrat menuntut adalah satu keperluan yang wajib ataupun mandatori di dalam syarat-syarat kontrak JKR 203/203A (sem.10/83) yang mana satu tempoh serta bentuk notis hasrat tersebut telahpun diperuntukkan di dalam syarat-syarat kontrak JKR itu sendiri. Tempoh notis hasrat menuntut berkaitan dengan tuntutan perbelanjaan tambahan dan kerugian telah diperuntukkan perlu dikemukakan di dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh Arahan Pegawai Penguasa (APP) ataupun daripada tarikh hal keadaan yang menyebabkan tuntutan dibuat oleh kontraktor (ini adalah sejajar dengan klausa 5(d) ataupun 44 syarat-syarat kontrak JKR 203/203A [sem. 10/83]). Namun ramai kontraktor telah didapati gagal mematuhi keperluan notis ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Mukadimah

Sebelum pemahaman lanjut berkaitan dengan Doktrin Notis di dalam perundangan difahami, maka satu kajian daripada buku-buku rujukan yang berkaitan serta kertas-kertas kerja seminar dan juga kajian daripada Jurnal Undang-undang perlulah dibuat. Maka hanya setelah satu rujukan dan penelitian dibuat maka barulah satu pemahaman serta rumusan dapat dihasilkan untuk memahami apakah dia Doktrin Notis tersebut di dalam perundangan.

Adalah diharapkan setelah kajian literatur ini dibuat, maka persoalan-persoalan berikut terjawab:

- Apakah Dia Doktrin Notis ?
- Kenapakah ia diperlukan di dalam perundangan ?
- Apakah yang dimaksudkan dengan Notis yang mencukupi ?
- Apakah kesan di dalam perundangan serta syarat-syarat kontrak binaan sekiranya Notis tidak mencukupi?
- Apakah kesan di dalam perundangan serta syarat-syarat kontrak binaan sekiranya Notis tidak langsung dikemukakan ?

Dengan adanya kajian ini adalah diharapkan satu pemahaman yang lanjut dari segi perundangan serta syarat-syarat kontrak dapat dihayati. Ini adalah perlu agar pentadbir-pentadbir kontrak binaan dapat memahami serta menguruskan kontrak binaan, lebih-lebih lagi berkaitan dengan pengurusan notis di dalam bidang tuntutan kontrak di dalam kontrak binaan. Maka pentadbir kontrak akan dapat lebih memahami serta dapat menimbang kedudukan di dalam keadaan di mana kontraktor telah gagal mengemukakan

satu notis yang mencukupi atau gagal mengemukakan sebarang notis apabila membuat satu tuntutan kontrak kepada majikan/kerajaan.

Adalah juga diharapkan dengan adanya kajian literatur seperti ini ia akan dapat membantu kontraktor itu sendiri apabila ia memulakan tindakan membuat tuntutan kontraknya terhadap majikan. Seringkali kontraktor akan merasa bahawa tuntutannya tidak dipertimbangkan dengan adil apabila majikan menolak tuntutan kontraktor tersebut apabila terdapat kecacatan di dalam notis tersebut ataupun di mana kontraktor tidak langsung mengemukakan sebarang notis kepada majikan apabila tindakan menuntut dimulakan. Maka dengan adanya kajian seperti ini ia dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada kontraktor di samping dapat memberi kefahaman supaya satu amalan untuk memulakan tindakan tuntutan yang sejajar dengan syarat-syarat kontrak dan perundangan dapat disemai di kalangan kontraktor.

Untuk memulakan satu kajian di dalam peruntukkan Doktrin Notis, maka perlulah satu kajian untuk memahami kenapakah terdapat peruntukkan Doktrin Notis di dalam perundangan dan mengkaji sebab-sebab wujudnya Doktrin Notis tersebut.

2.2 Doktrin Notis

Konsep keadilan asasi (*Natural Justice*) adalah satu konsep yang lebih menekankan kepada prosidur yang saksama (*procedural fairness*). Professor M P Jain di dalam *Administrative Law of Malaysia and Singapore – Third Edition – Malayan Law Journal 1997* (Rujuk Bab X – “*Principles of natural justice*”), telah menyatakan di dalam perundangan keadilan asasi ini tadi sebenarnya terbahagi kepada dua (2) komponen yang penting seperti berikut:

- Peraturan perundangan “*audi alteram partem rule*” yakni peraturan untuk hak didengari (*no one shall be condemned unheard*).
- Peraturan perundangan “*nemo judex in causa sua*” yakni bermaksud peraturan berkaitan dengan berat sebelah (*rules against bias*).

Kedua-dua peraturan ini sebenarnya bolehlah dihuraikan dan difahami sebagai: keadilan dan kesaksamaan. Namun begitu perlulah diingatkan bahawa konsep keadilan asasi ini sebenarnya menekankan kepada prosidur perundangan (*procedural law*) sahaja yang memastikan keadilan dilaksanakan dan dihasilkan. Namun begitu kajian ini akan hanya ditumpukan kepada peraturan “*audi alteram partem*” sahaja yang mana ia berkaitan dengan Doktrin Notis sahaja.

2.3 Peraturan “*audi alteram partem*”

Peraturan “*audi alteram partem*” sebenarnya merupakan satu konsep yang fleksibel yang akan berubah mengikut keadaan. Ia adalah satu konsep keadilan asasi yang menekankan prosidur keadilan yang paling minima, dan maka ia adalah peraturan yang tidak ketat. Ini adalah kerana tujuan utama prosidur ini adalah hanya untuk memastikan keadilan dilaksanakan kepada kedua-dua pihak di dalam satu-satu pertikaian. Sekiranya rujukan dibuat kepada beberapa kes undang-undang berkaitan dengan “*audi alteram partem*” ini maka kajian tersebut akan menunjukkan bahawa apa yang penting adalah bukan satu peraturan yang ketat tetapi adalah samaada peraturan yang dijalankan kelak akan dapat memastikan kesaksamaan prosidur dan salah satu pihak tidak akan dimudaratkan haknya sekiranya satu peraturan berkaitan dengan hak untuk didengari dijalankan oleh manapun pihak yang di dalam pertikaian.

Merujuk kepada kes *Lim Ko v Board of Architects (1966) 2 MLJ 80* – (Rujuk Bab X – “*Principles of natural justice*” oleh Professor M P Jain di dalam bukunya *Administrative Law of Malaysia and Singapore* – Third Edition – Malayan Law Journal 1997) di mana di dalam kes ini mahkamah telah memutuskan bahawa ia perlulah melihat kepada bentuk dan intipati sebenar di dalam satu “*inquiry*” samaada terdapat satu penafian di dalam hak keadilan asasi kepada kedua-dua belah pihak yang bertikai. Mahkamah tidaklah perlu menyamakan “*inquiry*” tersebut dengan satu prosiding yang sejajar dengan peraturan mahkamah di dalam satu pertikaian di mahkamah apabila Lembaga Arkitek menjalankan “*inquiry*” tersebut. Maka berdasarkan kes tersebut di atas jelaslah bahawa peraturan keadilan asasi ini adalah satu peraturan yang fleksibel dan akan berubah berdasarkan setiap keadaan yang berbeza. Ini bermakna perundangan tidak akan menentukan prosidur

yang tetap atau prosidur yang sama untuk setiap keadaan. Apa yang penting hanyalah untuk memastikan bahawa prosidur tersebut telah mencapai tahap minima keadilan asasi.

Konsep pemberian notis sebelum satu prosiding tribunal atau “*adjudicatory*” adalah salah satu norma di dalam proses keadilan asasi. Ini adalah kerana pihak yang tertuduh perlulah mengetahui apakah tuduhan atau tuntutan yang telah dibuat kepada seseorang atau pihak yang dituntut. Maka notis adalah satu “*sine qua non*” (ia bermaksud “*without which not*” – di mana ia adalah satu pra-syarat yang tidak dapat tidak, perlu ada di dalam satu proses keadilan asasi.) kepada konsep hak untuk didengari. Konsep pemberian notis bukan sahaja bermaksud apa-apa jenis notis tetapi ia perlulah kepada pemberian notis yang mencukupi. Apa yang dimaksudkan dengan notis mencukupi ia satu pemberian notis yang mencukupi yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Notis tersebut perlulah menyatakan secara khusus tuduhan atau kesalahan atau kemungkiran yang didakwa oleh pihak yang terkilan (*aggrieved party*).
- Notis tersebut perlulah menyatakan akibah yang mungkin akan berlaku di dalam prosiding atau tuntutan terhadap kemungkiran tersebut.
- Notis tersebut perlulah diberi di dalam tempoh yang munasabah agar ia memberi peluang kepada pihak didakwa tersebut membuat persediaan atau membuat satu tindakan untuk membendung kerugian atau hukuman yang mungkin diperolehi kelak oleh pihak yang terkilan.

Rujukan juga telah dibuat kepada *Maradana Mosque Trustee lwn. Badi-ud-din Mahmud, 1967 1 AC 13*, di mana di dalam kes ini badan pengurusan sebuah sekolah telah diminta untuk memberi penjelasan kepada kerajaan kenapakah bayaran gaji kepada kakitangan sekolah telah tidak dibuat olehnya. Sebelum tribunal tersebut diadakan oleh Kerajaan satu notis telah dikemukakan kepada Kerajaan berkaitan dengan dakwaan kemungkiran badan pengurusan membuat bayaran gaji kepada kakitangan sekolah. Kerajaan kemudiannya telah mengambil alih pentadbiran serta pengurusan sekolah tersebut. Namun kemudiannya adalah didapati bahawa sebenarnya kerajaan mengambil alih pentadbiran sekolah tersebut berlandaskan kepada dua (2) sebab. Namun begitu

apabila tribunal dibuat terhadap badan pengurusan sekolah tersebut notis tersebut hanya merujuk kepada satu sebab sahaja. Badan pengurusan tidak pernah diberitahu akan sebab yang satu lagi yang mempengaruhi keputusan Kerajaan untuk mengambil alih sekolah tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa notis yang dikemukakan kepada badan pengurusan tersebut tidaklah mencukupi di mana ia tidak menunjukkan kesemua dakwaan yang telah dibuat. Maka ini memudaratkan hak badan pengurusan di dalam membuat persediaan dan dalihan di waktu prosiding tribunal tersebut. Maka keputusan tribunal tersebut telah dibatalkan oleh mahkamah.

Maka berdasarkan kes tersebut di atas kecukupan notis bermaksud notis tersebut mestilah dengan jelasnya menyatakan dakwaan atau tuduhan atau kemungkirian untuk membolehkan pihak yang didakwa atau pihak yang dituntut membuat satu dalihan atau dapat membuat pemantuan atau dapat membendung kemungkirannya tersebut. Maka hak ini tidaklah boleh dipandang remeh atau dinafikan di mana mahkamah ataupun perundangan akan mentafsirkan bahawa ketidakcukupan notis ini sebenarnya melanggarkan peraturan keadilan asasi dan ini akan menyebabkan tindakan oleh pihak yang terkilan akan diketepikan.

Keperluan notis adalah satu keperluan yang fleksibel dan tidak semestinya di dalam bentuk notis bertulis. Adalah memadai sekiranya dapat dibuktikan bahawa pihak yang didakwa atau dituntut atau dituduh sebenarnya sudah mengetahui akan dakwaan yang dibuat terhadapnya dan juga akibahnya sekiranya dakwaan tersebut dibuktikan dan diputuskan terhadap dirinya.

Merujuk kepada kes *Mahadevan Ivn. Anandrajan (1974) 1 MLJ 1*, di mana di dalam kes ini seorang pengetua sekolah telah menerima aduan mengenai kelakuan seorang penuntut. Pengetua tersebut telah menebul penuntut tersebut dan setelah selesai pengetua tersebut telah mengambil tindakan untuk membuang penuntut tersebut keluar daripada sekolah dengan tujuan untuk memastikan tahap disiplin di sekolah tersebut terjamin dan dipertahankan. Tindakan pengetua tersebut telah dipertikaikan di mana pengetua tersebut tidak memberi notis kepada penuntut tersebut bahawa pengetua

tersebut berniat untuk membuangnya daripada sekolah sekiranya terbukti akan aduan terhadap penuntut tersebut benar. Majlis Privy telah menolak hujjah tersebut dengan alasan bahawa pengetua tersebut tidak dapat memaklumkan akibah pembuangan penuntut tersebut sekiranya aduan tersebut terbukti betul oleh kerana hanya selepas temubual tersebut selesai barulah pengetua tersebut dapat membuat satu penilaian dan pandangan serta kemudiannya membuat keputusan untuk membuat penuntut tersebut. Tambah lagi terdapat bukti yang mencukupi bahawa penuntut tersebut sudah maklum sebelum pengetua tersebut memanggilnya, akan aduan yang telah dibuat terhadapnya dan juga sudah maklum akan akibahnya sekiranya aduan tersebut terbukti betul. Maka mahkamah memutuskan bahawa prosidur yang telah digunakan sebenarnya tidak memudaratkan hak penuntut tersebut. Maka Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa kegagalan Pengetua tadi untuk memaklumkan akan hukuman yang mungkin dikenakan juga tidak memudaratkan hak penuntut tersebut. Ini adalah kerana pengetua tersebut tidak dapat memaklumkan kepada penuntut tersebut akan hukuman yang akan dikenakan sekiranya tuduhan ataupun aduan yang dibuat itu terbukti benar oleh kerana hanya setelah mendengari dan setelah menemubual penuntut tersebut barulah pengetua tadi dapat membuat satu pertimbangan dan kemudiannya membuat satu keputusan berkaitan dengan hukuman yang sewajarnya dikenakan kepada penuntut itu tadi.

Maka berdasarkan kes tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa doktrin notis tadi sebenarnya adalah satu keperluan yang penting di dalam perundangan keadilan semulajadi tetapi doktrin tersebut sebenarnya adalah satu doktrin yang fleksibel yang mana ia hanya menekankan prosidur keadilan agar hak setiap pihak yang terlibat tidak dimudaratkan. Maka selagi mana hak seseorang tersebut tidak dimudaratkan secara prosidurnya, maka kegagalan memenuhi keperluan notis secara ketat akan tidak memudaratkan hak seseorang pihak yang terkilan.

Namun begitu satu notis yang mencukupi di dalam perundangan juga bermakna satu keperluan notis yang tidak berbentuk samar-samar dan dapat memberi maklumat yang khusus berkaitan dengan kemungkiran yang didakwa tersebut. Merujuk kepada kes *Perkayuan OKS No.2 Sdn. Bhd. lwn. Kelantan State Economic Development Corp.*

(1995) 1 AMR 944, - di mana di dalam kes ini mahkamah memutuskan bahawa notis yang telah dikemukakan untuk menamatkan perjanjian adalah samar-samar, mengelirukan dan tidak khusus kepada perkara kemungkiran yang didakwa oleh pihak yang mendakwa. Maka mahkamah memutuskan notis yang dikemukakan adalah tidak mencukupi di dalam perundangan.

Maka salah satu keperluan notis di dalam perundangan adalah untuk bentuk notis tersebut mencukupi yang mana ia perlulah bebas daripada kesamaran dan perkara yang didakwa tersebut perlulah diperincikan dengan khusus agar pihak yang didakwa tersebut dapat mengetahui akan kemungkiran yang didakwa. Ini adalah kerana seseorang yang didakwa tidak boleh dikatakan menerima notis yang mencukupi sekiranya ia tidak dapat mengetahui apakah kemungkiran yang didakwa atau yang akan diambil tindakan terhadapnya. Maka di mana sebab-sebab kemungkiran yang didakwa tersebut adalah berbentuk samar-samar maka ini akan menafikan hak pihak yang didakwa untuk didengari serta membuat dalihan yang bernalas serta berkesan. Ini juga akan menafikan hak seseorang tersebut mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membendung ataupun memantau kemungkiran yang didakwa tersebut. Ini hanya dapat dilakukan sekiranya kemungkiran tersebut dinyatakan dengan khusus di dalam notis yang dikemukakan.

Rujukan juga telah dibuat kepada kes *Lim Ko Iwn. Board of Architects* (1966) 2 MLJ 80 - di dalam kes ini mahkamah memutuskan bahawa aduan plaintif yang ianya tidak diberi notis dakwaan terhadapnya dengan secukupnya telah ditolak oleh mahkamah. Ini adalah kerana mahkamah telah berpuas hati berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan di mahkamah bahawa plaintif tersebut sudahpun mengetahui secukupnya akan dakwaan-dakwaan yang telah dibuat kepadanya oleh Lembaga Arkitek tersebut. Maka walaupun notis yang telah dikemukakan kepada plaintif tidak begitu terperinci, namun berdasarkan bukti di dalam perbicaraan adalah didapati bahawa plaintif tidak diprejudiskan akan haknya akibat notis tersebut.

Maka berdasarkan kes tersebut di atas sekiranya didapati bahawa notis yang dikemukakan adalah tidak mencukupi dari segi perundangan tetapi sekiranya dapat dibuktikan bahawa pihak yang didakwa tersebut telahpun mengetahui akan dakwaan atau kemungkinan tersebut dan juga adalah di dapati bahawa pihak yang didakwa atau dituntut tersebut tidak diprejudiskan haknya, maka ketidakcukupan notis tersebut masih boleh dipertahankan di dalam perundangan. Maka ini juga menunjukkan bahawa doktrin notis ini sebenarnya adalah satu keperluan prosidur keadiian asasi yang mana berbentuk fleksibel yang hermatlamatkan keadilan di dalam hak kedua-dua belah pihak yang berada di dalam pertikaian.

Tetapi apabila pula keadaannya sekiranya notis tidak langsung dikemukakan ? Bolehkah pihak yang mengemukakan notis dan yang juga membuat tuntutan, membuat satu dalihan bahawa walaupun notis tersebut tidak dikemukakan namun begitu hak pihak yang dituntut tidak dimudaratkan ? Bolehkah juga pihak yang menuntut membuat satu dalihan bahawa walaupun notis tidak dikemukakan namun pihak yang dituntut sebenarnya telahpun mengetahui akan kedudukan tindakan yang akan diambil terhadapnya; maka hak pihak yang dituntut tidak dimudaratkan ?

Merujuk kepada kes *Chong Kok Lim & Ors Iwn. Yong Su Hian, (1979) 2 MLJ 11* - di dalam kes ini Mahkamah Persekutuan telah mendapati bahawa Perak Chinese Association telah membuang seorang ahli jawatankuasa persatuan tersebut. Namun begitu adalah di dapati bahawa tiada sebarang notis dikemukakan kepada ahli jawatankuasa tersebut sebelum persatuan tersebut membuangnya. Mahkamah telah memutuskan bahawa pembuangan ahli jawatankuasa tersebut adalah tidak sah di dalam perundangan akibat ketiadaan notis tersebut.

Maka jika prinsip perundangan yang boleh di dapati di dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa notis adalah satu pra-syarat kepada satu pertikaian atau satu tindakan untuk memastikan bahawa pihak yang tertuduh atau pihak yang didakwa dapat hak untuk didengari.

Merujuk kepada kes *Annamunthodo Iwn Oilfields Workers' Trade Union (1967) AC 945* - Di dalam kes ini Majlis Privy telah menolak dalihan bahawa ketiadaan notis kepada pihak yang didakwa walaupun tidak memudaratkan haknya boleh dimaafkan. Majlis Privy memutuskan bahawa ketiadaan notis dengan sendirinya menafikan hak keadilan hak asasi.

Maka jelas berdasarkan kedua-dua kes tersebut menunjukkan bahawa apabila notis tidak dikemukakan, ia telah menafikan hak pihak yang dituntut sejajar dengan keadilan asasi, walaupun ketiadaan notis tersebut tidak memprejudiskan hak pihak yang didakwa. Maka notis tidak dapat tidak perlulah dikemukakan kepada pihak yang didakwa.

Salah satu ciri-ciri notis yang mencukupi adalah notis itu perlulah dikemukakan di dalam tempoh yang munasabah agar ia memberi peluang kepada pihak yang didakwa atau yang dituntut, untuk membuat dalihan atau membuat langkah-langkah yang munasabah untuk membendungkan kernungkiran yang didakwa.

Rujukan juga telah dibuat kepada kes *Re Liverpool Taxi Owners' Association (1972) 2 All ER 589* - pihak persatuan teksi tersebut telah diberi notis tunjuk sebab oleh pihak berkuasa mengapakah permit atau lesen baru patut dikeluarkan kepada persatuan tersebut. Namun begitu tempoh untuk persatuan menjawab notis tersebut adalah terlampau suntuk. Mahkamah memutuskan bahawa notis tersebut adalah tidak mencukupi di mana ia hanya memberi tempoh yang suntuk untuk persatuan tersebut memberi sebab-sebab yang bernes mengapakah lesen persatuan teksi tersebut perlu diperbaharui. Maka berdasarkan kes ini, salah satu ciri-ciri notis yang mencukupi adalah tempoh notis tersebut perlulah diberikan di dalam tempoh yang munasabah agar memberi peluang kepada pihak yang didakwa atau dituntut untuk membuat persediaan untuk didengari.

Merujuk kepada kes *Phang Moh Shin Iwn. Commissioner of Police (1967) 2 MLJ 186* - Di dalam kes ini seorang polis telah dikenakan tindakan tatertib. Beliau telah dibekalkan dengan dakwaan terhadapnya oleh pegawai "inquiry" sebelum prosiding tatatertib bermula. Pegawai Polis tersebut mendakwa bahawa itulah kali pertama beliau melihat

kertas dakwaan terhadapnya. Beliau mendakwa dengan tindakan tersebut, maka ia menafikan haknya sejajar dengan prinsip keadilan semulajadi. Mahkamah membatalkan keputusan pihak polis untuk membuang kerja plaintif dengan alasan bahawa pihak plaintif telah tidak dapat membuat persediaan untuk pembelaan sejajar dengan prinsip hak untuk didengari. Hanya dengan mengetahui dakwaan terhadapnya dengan khusus dan di dalam tempoh yang munasabah, barulah plaintif dapat membuat satu dalihan yang secukupnya di samping mengetahui akan hukuman atau akibah yang berlaku terhadapnya lanjutan daripada dakwaannya tersebut.

Maka sejajar dengan prinsip perundangan tersebut, maka adalah wajar satu notis dikemukakan dengan memperincikan sesuatu dakwaan tersebut di samping dikemukakan di dalam tempoh yang munasabah. Di dalam pada masa yang sama akibah yang mungkin ditanggung oleh pihak yang didakwa atau dituntut perlulah juga dimaklumkan agar pihak tersebut dapat mengetahui akan kesan atau tanggungan yang mungkin diterima di mana ia akan membantu pihak tersebut membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Terdapat pula persoalan bilakah notis perlu dikemukakan di dalam satu kontrak pembinaan ? James R Knowles di dalam kertas seminarnya Seminar “*28 Contractual Blockbusters And Trouble Shooting with 1990's Legal Cases*” pada 20 Oktober 1993 Di Auditorium, IKRAM oleh James R Knowles dari James R Knowles (Malaysia) Sdn. Bhd. telah merujuk kepada “*Building Contracts Supplement*” oleh D. Keating as di mukasurat 59, di mana tempoh yang munasabah telah ditakrifkan sebagai :

“ *What is reasonable depends upon all the circumstances of the case* ” (apa yang dimaksudkan dengan munasabah bergantung kepada hal keadaan setiap kes.)

James R Knowles juga telah merujuk kepada kes ***London Borough of Merton Lwn. Stanley Hugh Leach (1985) 32 BLR 51***- Di dalam kes ini di antara persoalan yang diketengahkan kepada mahkamah tempoh bilakah notis yang perlu dikemukakan oleh kontraktor apabila hendak menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan. Mahkamah memutuskan bahawa notis tersebut perlulah dikemukakan di dalam tempoh yang

munasabah. Apa yang dimaksudkan dengan munasabah adalah suatu tempoh yang munasabah yang mana tidak terlampau lewat untuk Arkitek dapat membuat satu pendapat yang kompeten agar ia berpuas hati bahawa kontraktor sememangnya telah menanggung kerugian dan perbelanjaan tambahan. Kontraktor juga perlulah ingat bahawa seseorang arkitek tersebut adalah seseorang yang berpengalaman di dalam bidang tuntutan seperti ini dan maka arkitek tersebut setelah menerima notis yang munasabah tersebut boleh mengambil tindakan untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut sebelum memulakan penyiasatan atau mendapat maklumat tersebut apabila sedang menjalankan penyiasatan.

Maka jelas berdasarkan kertas seminar tersebut di atas dan juga setelah merujuk kepada kes tersebut di atas adalah didapati bahawa tempoh untuk mengemukakan notis tersebut perlulah dikemukakan di dalam tempoh yang munasabah dan apakah ia tempoh yang munasabah adalah sebenarnya bergantung kepada setiap keadaan ataupun hal keadaan.

Namun apa pula keadaan di mana di dalam sesuatu kontrak tersebut itu sendiri tidak memperuntukkan keperluan notis sebelum tindakan boleh diambil terhadap pihak yang didakwa atau yang dituntut ? Merujuk kepada kes *Yeo Hiap Seng Trading Sdn. Bhd. lwn. Lim Lee Choon (2004) 1 CLJ 634* – Di dalam kes ini majikan/syarikat telah membant rayuan kepada keputusan yang telah dibuat oleh pejabat buruh apabila pejabat tersebut telah mengarah majikan membayar nilai sebanyak RM2,410.93 sebagai gaji oleh disebabkan kegagalan majikan memberi notis untuk menamatkan kerja pekerja tersebut dan sebanyak RM23,074.62 sebagai bayaran faedah akibat pembuangan kerja tersebut. Majikan tersebut telah menyatakan bahawa sejajar dengan seksyen 14 (1) Akta Pekerjaan 1955 antara lain memperuntukkan bahawa majikan boleh menamatkan kontrak kerja seorang pekerja tanpa memberi notis sekiranya pekerja tersebut telah di dapati melakukan salah laku di dalam pekerjaannya. Pekerja telah menyatakan bahawa kegagalan majikan memberi notis telah menyalahi prinsip keadilan asasi dan lebih khusus kepada prinsip “*audi alteram partem*” yakni menafikan haknya untuk didengari.

Mahkamah telah memutuskan bahawa sejajar dengan seksyen 14 (1) Akta Pekerjaan 1955 antara lain telah memperuntukkan bahawa seseorang pekerja boleh dibuang kerja

tanpa terlebih dahulu memberi notis sekiranya pekerja tersebut telah melakukan tindakan salah laku semasa menjalankan pekerjaannya. Mahkamah mendapati bahawa tiada bukti bahawa pekerja tersebut telah melakukan salah laku ; namun sekiranya benar pekerja tersebut telah menjalankan tindakan salah laku; adalah diperhatikan bahawa di bawah seksyen 14 (1) Akta Pekerjaan 1955 antara lain juga memperuntukkan bahawa tindakan membuang pekerja tanpa memberi notis terlebih dahulu hanya boleh dilakukan setelah satu “*due inquiry*” ataupun siasatan dalaman dijalankan oleh majikan.

Di dalam penghakiman bertulisnya Low Hop Bing H, antara lain telah menyatakan:

“On my part, I would add that the requirement for a due inquiry under s 14(1)(a) is a statutory expression of the first fundamental principle of the common law rules of natural justice ie audi alteram partem (hear the other side) or no man shall be condemned unheard. A breach of this fundamental rule would vitiate a judicial or quasi judicial decision. The principle is so trite and settled that there is hardly any need to cite any authority thereof”.

(“Bagi pihak saya, saya ingin menambah bahawa satu kehendak penyiasatan di bawah seksyen 14(1)(a) adalah satu peruntukkan statutori yang menggambarkan prinsip pertama di dalam perundangan lazim berkaitan dengan keadilan asasi yakni peraturan *audi alteram partem* (mendengar pihak yang satu lagi) atau tiada seorangpun boleh dikenakan tindakan sebelum ia didengari. Satu kemungkinan prinsip asas ini akan membatalkan satu keputusan penghakiman ataupun satu keputusan yang seakan-akan timbul daripada satu penghakiman. Prinsip adalah satu prinsip yang asas yang mana satu pernyataan mengenai mana-mana kes atau otoriti adalah tidak perlu”)

Hakim tersebut telah antara lain menyatakan bahawa peruntukkan seksyen 14 (1) Akta Pekerjaan 1955 adalah satu peruntukkan perundangan sejajar dengan prinsip keadilan asasi “*audi altera.n partem*” yang mana prinsip tersebut sudahpun diterima secara asas. Sekiranya prinsip tersebut tidak dipatuhi, maka ia akan membatal apa-apa keputusan keadilan ataupun separa keadilan

Maka di dalam kes ini walaupun majikan telah membuang pekerjaannya tanpa notis namun memandangkan terdapat peruntukan perundangan seajar dengan prinsip “*audi alteram partem*”, maka keperluan memberi notis tersebut adalah satu kemestian dan keperluan tersebut tidak lagi boleh disangkalkan di dalam perundangan. Maka juga bolehlah dirumuskan bahawa walaupun sekiranya peruntukan notis tidak ada di dalam satu kontrak, namun keperluan notis tersebut adalah satu kemestian melalui operasi undang-undang.

Siapakah yang boleh menandatangani notis tersebut ? Bolehkah pihak yang tidak diberi kuasa menandatangani notis tersebut dan mengemukakannya ?

Rujukan boleh dibuat kepada kes *Marzuki Abdul Aziz lwn. Ketua Polis Negara & Pihak Satu Lagi, (2003) 3 CLJ 315* – Di dalam kes ini perayu adalah seorang Inspektor Polis dan telah dikenakan surat tunjuk sebab dan juga surat pembuangan kerja daripada perkhidmatan polis. Perayu telah menghujah bahawa pegawai yang menandatangani kedua-dua surat tersebut (Abdul Aziz Hassan) bukanlah seorang pegawai atau penandatangan yang sah. Perayu juga mempersoalkan bahawa meinandangkan bahawa prosiding tata tertib yang bermula dari pengeluaran surat tunjuk sebab yang dijalankan di bawah bidang kuasa Timbalan Ketua Polis Negara (TKPN) dan pegawai yang menandatangani surat-surat tersebut adalah seorang pegawai bagi pihak TKPN, maka bidang kuasa pegawai yang mendantangani surat tersebut adalah diragui.

Mahkamah telah memutuskan bahawa pengeluaran surat-surat tersebut adalah sah dari segi undang-undang di mana pegawai tersebut sebenarnya mengeluarkan surat tersebut di atas arahan TKPN sendiri dan bukannya daripada kehendak pegawai itu sendiri.

Di dalam penghakiman bertulisnya Siti Norma Yaakob HMR, antara lain telah menyatakan:

“The writing of the two letters does not form part of the decision making process as the two letters merely convey the directives and the decision of the Deputy IGP for which an officer can be directed to execute. This is clear from the opening words of the first letter

which states as follows: "Adalah diarah memaklumkan.... .". Likewise the second paragraph of the second letter contains the following words:

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa setelah menimbang representasi anda dengan teliti dan saksama, Y.Bhg. Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara memutuskan....."

(“Dua surat yang bertulis itu tidak adalah di dapat tidak menjadi salah satu proses membuat keputusan yang terlibat yang mana kedua-dua surat itu hanya menyampaikan arahan dan keputusan Timbalan Ketua Polis Negara yang mana seorang pegawai boleh diarah untuk melaksanakan arahan Timbalan Ketua Polis Negara tersebut. Ini adalah jelas daripada pembuka kata suart tersebut yang mana menyatakan: “Adalah duarah memaklumkan.....”. Perkara yang sama juga didapati di pereggan kedua surat tersebut yang mana kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa setelah menimbang representasi anda dengan teliti dan saksama, Y.Bhg. Tan Sri Timbalan Ketua Polis Negara memutuskan.....”)

Berdasarkan kes tersebut di atas sekiranya pihak yang menandatangani surat notis tersebut bertindak di atas arahan pihak yang menuntut dan selagimana ia boleh dibuktikan bahawa pihak yang menandatangani notis tersebut bertindak dengan suci hati di atas arahan pihak yang berkuasa, maka notis tersebut masih lagi sah.

Berdasarkan prinsip keadilan asasi adalah penting untuk butir-butir dakwaan atau tuntutan tidak ditutupi atau tidak dilindungi daripada pihak yang dituntut atau didakwa. Ini bermakna pihak yang didakwa ataupun dituntut perlulah dibekalkan dengan secara khusus dan terbuka akan butir-butir yang dituntut agar pihak yang dituntut dapat

mengetahuinya dengan jelas untuk ia dapat mengambil tindakan membuat dalihan dengan berkesan.

Merujuk kepada kes *Ang Seng Wan Iwn. Suruhanjaya Polis Di Raja Malaysia & Satu Lagi (2002) 1 CLJ 493* – Plaintiff adalah seorang Penolong Pengguna Polis yang telah dipecat oleh Suruhanjaya Polis Di Raja Malaysia. Ini adalah berikutan keputusan untuk memecat plaintiff hasil daripada keputusan satu mesyuarat yang telah dijalankan. Empat pertuduhan telah dibuat terhadap plaintiff. Namun begitu adalah didapati bahawa plaintiff tidak diberi lapuran-lapuran biasa dan kenyataan saksi-saksi. Tambah lagi adalah juga didapati bahawa jawatankuasa tidak membuat apa-apa keputusan berkaitan dengan keempat-empat pertuduhan tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa ketiadaan lapuran-lapuran biasa berserta keterangan-keterangan saksi dibekalkan kepada plaintiff dan juga didapati bahawa tiada satu perbicaraan lisan dijalankan dan berdasarkan keadaan-keadaan tersebut sesungguhnya telah melucutkan plaintiff dari peluang untuk didengari dengan sewajarnya.

Di dalam penghakiman bertulis Mohd Saari Yusoff HMR, antara lain telah menyatakan:

“In the premise and for reasons given above, we hold that the proceeding which resulted in the dismissal of ASP Ang was not conducted in accordance with natural justice as enshrined under art. 135(2) of Federal Constitution. In the result, we allow the appeal with cost here.... .”

(“Maka di dalam keadaan yang sediaada dan juga berdasarkan sebab-sebab yang tertera di atas, maka kami membuat keputusan bahawa prosiding yang telah memecat ASP Ang di dapati tidak dijalankan sejajar dengan keadilan asasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan. Maka, kami membenarkan rayuan tersebut dengan kos.... .”)

Maka berdasarkan prinsip kes tersebut di atas adalah juga di dapati bahawa pertauran “*rule of natural justice*” ini juga ada diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu bolehlah juga dinyatakan bahawa peruntukan peraturan audi alteram partem tadi walaupun pada asalnya adalah satu peruntukan perundangan lazim (*common law*), namun ia juga telah diperuntukkan di dalam peruntukan perundangan bertulis yakni di dalam Perlembagaan Persekutuan dan ini menunjukkan bahawa Badan Perundangan Negara (Parlimen) juga mengiktirafkannya sebagai satu alat perundangan yang penting.

Satu lagi persoalan adalah apakah yang dimaksudkan dengan “tempoh yang munasabah” apabila sesuatu notis perlu dikemukakan. Rujukan boleh dibuat kepada kes *Harbhajan Singh lwn. Suruhanjaya Pasukan Polis Malaysia & Lain (2002) 4 CLJ 85* - Di dalam kes ini plaintif merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di atas deklarasi bahwa pemecatannya dari jawatan penguasa polis adalah batal dan tak sah. Alasan-alasan penting di dalam rayuannya adalah bahawa terdapat kelengahan selama 20 bulan sebelum Suruhanjaya Polis membuat keputusan dan juga plaintif tidak diberitahu tentang pertuduhan manakah di antara tiga pertuduhan terhadapnya yang menjadi asas kepada pemecatannya.

Salah satu persoalan yang perlu dijawab oleh Mahkamah Rayuan adalah apakah yang dimaksudkan dengan “dengan kepentasan yang patut (*with all convenient speed*)” ? Hakim Mahkamah Rayuan, Abdul Hamid Mohamad HMR, di dalam penghakiman bertulisnya antara lain menyatakan :

“The relevant provision is the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulation 1993

No time limit is provided for the decision to be made.

Section 54(2) of the Interpretation Acts 1948 and 1967 inter alia, provides:

Where no time is prescribed within which anything shall be done, that thing shall be done with all convenient speed....

As correctly pointed out by the learned judge, quoting Bhagwati J in SK Serajah v State of West Bengal AIR (1975) SC 1517:

Mahkamah Rayuan telah kemudiannya memutuskan bahawa berdasarkan fakta kes ini maka tempoh yang telah diambil oleh Suruhanjaya Polis adalah satu tempoh di dalam makna “dalam keadaan yang munasabah”. Maka rayuan plaintiff telah ditolak.

Maka berdasarkan prinsip kes tersebut di atas, adalah di dapati bahawa apa yang dimaksudkan dengan tempoh yang munasabah adalah bergantung pada setiap keadaan dan tempoh tersebut akan berubah mengikut keadaan. Apa yang dimaksudkan dengan tempoh yang munasabah adalah satu persoalan fakta yang mana ia sebenarnya berubah mengikut keadaan setiap kes.

Sekiranya kajian kes undang-undang berkaitan dengan notis adalah didapati bahawa keperluan notis adalah juga mustahak di dalam mentadbir tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan di dalam kontrak pembinaan. Jika rujukan dibuat kepada satu seminar yang mana telah dibentangkan oleh Roger Knowles (Seminar yang bertajuk “*A One Day Seminar Entitiled Forty Eight Crucial Contractual Issues And Their Solutions*” oleh Roger Knowles FRICS, FCIArb, Barrister – James R Knowles (Singapore) Pte Ltd in conjunction with Institution Of Surveyors Malaysia - 25.6.1992, Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur); yang mana antara lain beliau telah menyatakan bahawa kegagalan mengemukakan notis akan memudaratkan hak kontraktor di dalam menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan (*loss and expense*). Beliau telah merujuk kepada kes *London Borough of Merton v Stanley Hugh Leach (1985) 32 BLR 51* di mana Hakim Vinelott J telah menyatakan penghakimannya berkaitan dengan tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan :

“The common features of subclauses 24(1) and 11(6) are first that both are ‘if’ provisions (if written application being made, etc.) that is, provisions which only operate in the event that the contractor invokes them by a written application... ...”

(“Satu peruntukan yang serupa di klausula-klausula kecil 24(1) dan 11(6) adalah kedua-duanya adalah peruntukan berkaitan dengan “sekiranya” (sekiranya satu permohonan